

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 6 / 10 / 2007

Umat Islam perlu menjadi contoh – Abdullah



ABDULLAH Ahmad Badawi, Jeanne Abdullah dan Syed Hamid Albar bersama duta-duta negara Islam dan ketua perwakilan negara OIC pada majlis berbuka puasa di Wisma Putra, Putrajaya, semalam.

PUTRAJAYA 5 Okt. ^{UM- 6/10/2007} – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu umat Islam menjadi aset penting kepada masyarakat di sekeliling mereka sebagaimana generasi Islam terdahulu berjaya mencipta tamadun dan menjadi guru kepada bangsa Eropah dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan.

Perdana Menteri berkata, kedudukan masyarakat Islam pada masa ini bukan sahaja dibincangkan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) malah dalam pelbagai persidangan dan ini sekali gus memberikan mesej bahawa agama adalah isu yang amat penting.

“Orang Islam pada zaman dahulu mengikuti ajaran penting dalam agama iaitu mencapai tahap ilmu pengetahuan yang tinggi sehingga menjadi guru kepada tamadun baru tetapi sekarang kita telah ketinggalan di belakang.

“Oleh itu, adalah penting bagi kita untuk memaparkan ajaran Islam yang sebenar dan ia tidak hanya dengan membaca buku agama.

“Memandangkan Islam ialah agama yang hidup maka kita mesti mengikuti ajarannya yang sebenar,” kata Abdullah.

Perdana Menteri berkata demikian pada sesi interaktif bersama ketua-ketua perwakilan negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) sebelum majlis berbuka puasa bersama Perdana Menteri di Wisma Putra di sini hari ini.

Majlis itu dihoskan oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan turut

dihadiri Datin Seri Jeanne Abdullah dan isteri Syed Hamid, Datin Seri Sharifah Aziah Syed Zainal Abidin.

Abdullah yang juga Pengerusi OIC mahu negara-negara Islam melakukan sesuatu yang dapat memberi manfaat lebih meluas bagi membantu negara anggota OIC.

“Saya mahu memberikan lebih banyak tumpuan dari segi imej ekonomi. Bukan kerana sebelum ini ia tidak diberikan tumpuan tetapi pelaksanaannya tidak mencapai ke tahap yang kita mahu.

“OIC juga perlu memainkan peranan penting dalam usaha membasmi kemiskinan dan buta huruf serta memberikan pendidikan,” jelas beliau.

Dalam pada itu, Perdana Menteri mahu umat Islam mengambil kesempatan pada bulan Ramadan agar memperkukuhkan perpaduan.

Tambahnya, ketika banyak negara Islam sedang berusaha melakukan yang terbaik bagi mencapai matlamat mereka, sebenarnya masih terdapat banyak perkara yang boleh dilakukan tanpa membabitkan soal politik.

“Ini termasuk dalam menentukan hala tuju Palestin. Saya bercakap dengan pemimpin Palestin seperti Abu Mazen (Mahmoud Abbas), Ismail Haniyeh dan Khalid Mashaal agar mereka dapat duduk bersama untuk menentukan nasib Palestin.

“Perpaduan adalah penting kerana ia adalah perintah daripada Allah,” katanya.